

**Mubarak Pohon Kerajaan Pertimbang Bantuan Sama Dengan Pesara
Bernama
27 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) memohon kerajaan mempertimbangkan pemberian Bantuan Khas Kewangan kepada bekas-bekas wakil rakyat seperti yang diperolehi golongan pesara.

Presiden Mubarak Tan Sri Abdul Aziz Rahman berkata ini kerana pemberian itu amat bermakna memandangkan pendapatan kebanyakan dari mereka hanya bergantung kepada pencen masing-masing.

"Semoga dengan kelulusan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan meringankan bebanan mereka yang sangat-sangat memerlukan di saat-saat ini," katanya dalam kenyataan di sini Jumaat.

Beliau berkata pihaknya mengalu-alukan pengumuman Perdana Menteri yang memberi bonus raya kepada penjawat awam dan juga pesara malah rata-rata masyarakat di seluruh negara menyambut baik pemberian yang amat bermakna itu apatah lagi di saat menyambut perayaan Aidilfitri.

Rabu lepas, Perdana Menteri mengumumkan pemberian bonus setengah bulan gaji dengan bayaran minimum RM500 kepada penjawat awam dan Bayaran Khas Kewangan RM500 kepada pesara kerajaan, yang akan dibayar pada 9 Ogos.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683737>

